

**UCAPAN BAJET 2015**  
**OLEH**  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**'SEBERANG PERAI KONDUSIF DAN PROGRESIF**  
**BERSAMA KOMUNITI'**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum W.T.B, Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan rakan-rakan media.

Saya mohon mencadang supaya suatu Bajet MPSP bagi tahun 2015 dibentang untuk ditimbang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Majlis Penuh Khas pada hari ini.

Izinkan saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan rahmat dan izinNya kita dapat berkumpul

pada hari ini untuk saya membentangkan Bajet MPSP 2015 di pagi Jumaat yang mulia ini. Sebagai Yang Dipertua, ini merupakan kali ke-empat saya membentangkan bajet tahunan MPSP. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah memberikan kepercayaan kepada saya untuk memegang jawatan Yang Dipertua di Majlis Perbandaran Seberang Perai. InsyaAllah, tanggungjawab yang diberikan akan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab berlandaskan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus. Ucapan terima kasih juga kepada semua Ahli Majlis yang telah bersama-sama memikul tanggungjawab dalam merencanakan polisi-polisi serta keputusan-keputusan mesyuarat Majlis serta program-program yang telah terkandung di dalam Pelan Strategi MPSP 2014-2018.

Perkara-perkara yang akan dibentangkan pada hari ini merupakan kehendak dan aspirasi warga Seberang Perai dan semua Ahli Majlis adalah merupakan wakil kepada suara serta aspirasi rakyat yang mengharapkan yang terbaik dapat dilaksanakan oleh MPSP sebagai kerajaan peringkat ketiga ini.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

Bajet 2015 telah dirangka dan disediakan dengan mengambilkira pendapat dan pandangan warga Seberang Perai sebagai '*stakeholder*'. Dalam usaha mendapatkan input daripada masyarakat, MPSP telah mengadakan Soal Selidik Bajet 2015 yang bermula dari 15 April 2014 hingga 18 Mei 2014. Soal selidik tersebut telah dipaparkan di laman web MPSP dan diedar kepada warga Seberang Perai melalui program-program Majlis seperti senamrobik di taman-taman di Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan, ADUN-ADUN, Ahli-Ahli Majlis, Briged Wanita dan di pasar-pasar bagi memastikan soal selidik ini dapat sampai kepada semua peringkat akar umbi dan keputusan kajian menggambarkan keseluruhan impian dan halatuju warga Seberang Perai.

Soal Selidik Bajet 2015 buat pertama kalinya dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil supaya maklumbalas daripada responden akan lebih menyeluruh. MPSP telah mendapat penyertaan sebanyak 918

responden iaitu 804 responden melalui borang dan 114 responden melalui 'online' dan hasil kajian soal selidik bajet ini telah dianalisa sebelum dibawa untuk perbincangan yang lebih mendalam melalui sesi Dialog Bajet yang telah diadakan pada 31 Mei 2014.

Sesi dialog bajet ini telah dihadiri oleh 136 peserta yang terdiri daripada pelbagai peringkat kumpulan masyarakat antaranya Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Polis DiRaja Malaysia, Pejabat Tanah dan Daerah, *Penang Women Development Corporation*, Briged Wanita, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan lain-lain lagi. Secara keseluruhannya, sejumlah 1,054 responden telah mengambil bahagian untuk memberikan input dan pandangan dalam proses penyediaan Bajet 2015. Sesungguhnya MPSP amat menghargai pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh warga Seberang Perai.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

MPSP sentiasa komited dalam usaha menaikkan nama MPSP di peringkat antarabangsa selaras dengan hasrat Y.A.B Ketua Menteri

Pulau Pinang untuk meletakkan dan menaikkan nama Pulau Pinang di mata dunia. Di peringkat antarabangsa, MPSP telah menerima *Best Cities Award* dan *Best Cities Manager Award* yang disampaikan oleh *Europe Business Assembly, Stresa, Italy* pada 2 Julai 2014 yang lalu. Sebelum daripada itu, pada 4 Jun 2014, MPSP telah menerima anugerah *Best Practice in Citizen Participation* daripada *International Observatory on Participatory Democracy (IOPD)* di Canaas, Brazil. MPSP juga telah terpilih sebagai pemenang *International Contest 'Star Of Health, Wellness and Tourism'* bagi kategori *Best Holiday Destination/Resort* melalui undian internet. Selain daripada itu, MPSP juga telah mengadakan *Youth Exchange Programme* dengan *Gwangju Metropolitan City, Korea*. Delegasi dari Gwangju adalah seramai 22 orang terdiri daripada empat (4) orang guru serta 18 orang pelajar telah datang ke MPSP pada 25-30 Ogos 2014.

Kejayaan menerima beberapa anugerah di dalam negara juga perlu dibanggakan oleh warga kerja MPSP. Kejayaan memenangi anugerah *Floria President Award* dalam Festival Flora dan Taman Floria Putrajaya 2014 akan dijadikan sebagai pemangkin kejayaan pada masa hadapan. Ini merupakan kali pertama MPSP menyertai

festival flora seumpamanya. Antara kejayaan lain yang dimenangi adalah Naib Johan Pertandingan Pantun Antara Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2014 dan yang terbaru MPSP telah disenarai pendek dan berada di dalam tujuh (7) agensi teratas daripada 122 agensi yang menyertai Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) pada 20 Mei 2014.

MPSP komited dalam mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kepada warga Seberang Perai dan ini telah terbukti dengan pensijilan ISO 9001:2008, EMS 14001:2004, OHSAS 18001:2007, EnMS 50001:2011 dan Anugerah 4 Bintang bagi PBT *Star Rating*. Di samping itu juga, MPSP telah berjaya mengekalkan rekod Sijil Bersih untuk Penyata Kewangan dari tahun 2001 hingga 2013 iaitu untuk 13 tahun berturut-turut. .

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

Cadangan Bajet 2015 dirangka berasaskan ‘*outcome*’ atau keberhasilan melalui ‘*Gender Responsive Participatory Budgeting*’ (*GRP*B) bagi menangani masalah serta untuk memenuhi “keperluan yang berbeza dari kumpulan yang berbeza (*different needs of*

*different people*)". Ini bagi memastikan keberkesanan kesaksamaan gender dapat dilaksanakan. MPSP membuat analisis keperluan pelanggan dengan mengambilkira impak yang berbeza terhadap kumpulan sasar masing-masing iaitu mengikut jantina, kumpulan umur, pendidikan, pendapatan, bandar dan luar bandar dalam setiap program dan aktiviti.

MPSP terus komited untuk melaksanakan pengurusan kewangan yang berhemah bagi memastikan kedudukan kewangan terus kukuh. Bagi mencapai tujuan tersebut, MPSP akan memastikan kawalan terhadap perbelanjaan mengurus diperketatkan melalui pengawalan dan pemantauan pelaksanaan program dan aktiviti, melaksanakan langkah-langkah penjimatan, mengelakkan pembaziran dan memastikan pengurusan kewangan yang cekap.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

### **PRESTASI KEWANGAN**

MPSP telah menyediakan bajet defisit sebanyak RM29.69 juta dan RM10.35 juta masing-masing pada tahun 2012 dan 2013. Walau bagaimanapun semasa penutupan akaun berakhir 31 Disember, MPSP telah memperolehi lebihan sebenar sebanyak RM4.15 juta

pada tahun 2012 dan RM2.74 juta pada tahun 2013. Sungguhpun MPSP telah berjaya mencatatkan lebih pendapatan namun peningkatan perbelanjaan mengurus dari semasa ke semasa perlu diambil perhatian disebabkan sumber kewangan MPSP yang terhad. MPSP amat berharap agar projek pembangunan di Seberang Perai untuk tahun-tahun yang mendatang adalah lebih pesat dan progresif. Ini akan memberikan sumber hasil kepada MPSP. Memetik kata-kata Y.B Tuan Chow Kon Yeow , Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir semasa ucapan Perayaan Hari Majlis yang telah diadakan pada 16 Ogos 2014 , masa depan Pulau Pinang adalah di Seberang Perai atau 'The future of Penang is in Seberang Perai'.

Ahli Majlis-Ahli Majlis Sekalian,

## **DASAR DAN STRATEGI BAJET 2015**

Tema Bajet 2015 adalah '**Seberang Perai kondusif dan progresif bersama komuniti**'. Cadangan Bajet 2015 ini akan memberikan tumpuan kepada kepada tujuh (7) fokus strategi yang merupakan antara teras perkhidmatan kepada warga Seberang Perai. Tujuh (7)

fokus ini juga adalah selari sepertimana pandangan dan keutamaan warga Seberang Perai daripada Soal Selidik Bajet 2015 yang telah dijalankan oleh MPSP.

Cadangan Bajet 2015 akan memberikan penekanan ke atas tujuh (7) fokus perkhidmatan seperti berikut :

- a) Kebersihan sebanyak RM93.68 juta
- b) Keselamatan & Lalulintas sebanyak RM16.61 juta
- c) Infrastruktur & Kemudahan Awam sebanyak RM15.12 juta
- d) Kawalan banjir sebanyak RM8.09 juta
- e) Pengindahan & Kehijauan sebanyak RM4.08 juta
- f) Penguatkuasaan Undang-Undang sebanyak RM3.01 juta
- g) Penglibatan Komuniti sebanyak RM2.33 juta

Ahli Majlis-Ahli Majlis Sekalian,

### **KEBERSIHAN**

MPSP memperuntukkan 38% atau RM93.68 juta daripada keseluruhan peruntukan perbelanjaan 2015 bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan pelupusan sisa pepejal. Kos ini adalah termasuk bayaran emolument kakitangan yang terlibat dengan kerja-

kerja pembersihan, kos pelupusan sampah di Pulau Burung dan kos pemindahan serta pengangkutan sampah di Ampang Jajar. Peratusan perbelanjaan yang agak besar ini antaranya disebabkan oleh perubahan dasar dalam pelaksanaan kerja-kerja pembersihan di seluruh kawasan Seberang Perai.

Bermula pada 1 Julai 2014, MPSP telah mengambil alih 100% kerja-kerja pembersihan di seluruh Seberang Perai. Sehingga Disember 2014, MPSP mensasarkan pengisian bagi pekerja pembersihan seramai 2,469 orang. MPSP akan meneruskan program-program dan kempen-kempen kesedaran bagi memujuk orang awam supaya lebih prihatin dalam menjaga kebersihan persekitaran mereka dan mengamalkan kitar semula.

Sehingga Julai 2014, berat sampah yang telah dilupuskan adalah sebanyak 379,511 tan. Daripada jumlah ini sebanyak 127,834 tan atau 34% telah dikitar semula. Kadar kitar semula ini adalah melebihi sasaran kadar kitar semula yang ditetapkan diperingkat kebangsaan iaitu 22% pada tahun 2020. Sekiranya kitar semula ini menjadi budaya warga Seberang Perai maka kos pelupusan sampah akan

dapat dikurangkan disamping persekitaran yang lebih bersih dan selesa.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri sedang mengkaji *Generator Pay Policy* di mana setiap pengeluar sisa atau sampah akan dikenakan caj pelupusan dan lain-lain caj yang berkaitan kepada MPSP. Objektif pelaksanaan dasar ini dapat menyumbang kepada :

- a) pengurangan kos pelupusan sampah
- b) galakan aktiviti kitar semula di kawasan perindustrian
- c) pemanjangan tempoh hayat tapak pelupusan

Buat masa ini, ianya hanya melibatkan sektor perindustrian di seluruh Pulau Pinang. Sekiranya dasar ini diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MPSP akan dapat menjimatkan perbelanjaan sebanyak RM3.98 juta setahun.

Ahli Majlis-Ahli Majlis Sekalian ,

### **KESELAMATAN & LALULINTAS**

Di bawah fokus keselamatan dan lalulintas, MPSP memperuntukkan sejumlah RM16.61 juta pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut

sebanyak RM2.0 juta diperuntukkan bagi penyewaan CCTV yang telah dipasang di 56 lokasi strategik di seluruh Seberang Perai. Pemasangan CCTV adalah bagi menangani isu-isu jenayah atau keselamatan orang ramai serta digunakan bagi pemantauan pembuangan sampah haram. MPSP juga memperuntukkan sejumlah RM3.0 juta bagi pemasangan dan penyelenggaraan lampu jalan yang diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Lalulintas & Infrastruktur.

Bagi menerangi kawasan Seberang Perai, MPSP akan membelanjakan sejumlah RM8.5 juta bagi pembayaran bil-bil lampu awam dan sebanyak RM610,000 bagi penyelenggaraan lampu isyarat, pondok bas, tempat letak kereta dan papan tanda lalulintas. MPSP telah melantik syarikat kawalan keselamatan bagi memastikan keselamatan bangunan-bangunan dan premis-premis MPSP terjamin. Untuk tujuan tersebut sebanyak RM1.3 juta telah disediakan dalam bajet 2015.

Bagi penyelenggaraan jalan, di samping menggunakan peruntukan yang diterima di bawah MARRIS sebanyak RM19.52 juta (sehingga

Ogos 2014) MPSP juga menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM850,000 bagi kerja-kerja pelebaran jalan di sebahagian Jalan Kurau, perubahan aliran trafik, pembinaan bonggol jalan dan lintasan pejalan kaki di lokasi-lokasi tumpuan bagi memastikan kelancaran trafik dan mengurangkan kes-kes kemalangan.

Ahli Majlis-Ahli Majlis Sekalian,

### **INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN AWAM**

Peruntukan bagi tujuan ini telah meningkat sebanyak 2.1% berbanding tahun 2014. Pada tahun 2015 MPSP menyediakan peruntukan berjumlah RM15.12 juta. Peningkatan ini antara lain disebabkan oleh pengambilalihan 100% kerja-kerja pembersihan pasar awam dan kompleks penjaja oleh MPSP. Sejumlah RM3.5 juta telah diperuntukkan bagi kerja-kerja pembersihan pasar awam dan kompleks penjaja dan RM1.45 juta disediakan bagi penyelenggaraan pasar awam, kompleks penjaja dan tandas awam. Ini dilakukan bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik dan memberikan keselesaan kepada penduduk Seberang Perai amnya dan kepada warga peniaga khususnya.

MPSP juga amat prihatin terhadap kesejahteraan warga Orang Kurang Upaya (OKU). Oleh itu MPSP telah menambah peruntukan daripada RM100,000 pada tahun 2014 kepada RM120,000 pada tahun 2015 bagi projek menaiktaraf kemudahan awam sedia ada untuk memberi kesejahteraan dan kemudahan kepada warga OKU.

Ahli Majlis-Ahli Majlis Sekalian,

### **KAWALAN BANJIR**

Secara umumnya, kejadian banjir amat sukar untuk diatasi disebabkan beberapa faktor yang berada di luar kawalan manusia. Namun, MPSP komited dalam menangani isu ini dengan langkah-langkah yang diharapkan dapat meminimumkan kesan banjir, kekerapan berlaku dan kerosakan harta benda. Pada tahun 2015, peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM8.09 juta berbanding RM4.32 juta pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 87.3% berbanding 2014. Peruntukan ini merangkumi kerja-kerja penyelenggaraan parit monsun dan kolam takungan sebanyak RM4.34 juta, penyelenggaraan rumah pam dan kawalan banjir sebanyak RM0.81 juta, pembinaan parit-parit bagi mengatasi masalah banjir sebanyak RM0.5 juta serta penyelenggaraan di

kawasan industri sebanyak RM1.49 juta. MPSP juga akan meneruskan projek dan rancangan bagi kawalan banjir menggunakan peruntukan wang caruman pamaritan yang akan dipohon melalui Jawatankuasa Tebatan Banjir di peringkat Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Seberang Perai.

Ahli Majlis-Ahli Majlis Sekalian,

### **PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG**

Dalam menguatkuasakan undang-undang sediaada, MPSP perlu mencari kaedah dan pendekatan yang efisien. Ini bagi memastikan matlamat dan tujuan penguatkuasaan dilaksanakan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bagi menjalankan tugas penguatkuasaan tempat letak kereta yang lebih efisien, pada tahun 2014, MPSP telah membuat perolehan sejumlah 32 unit '*handheld*' bernilai RM350,000 dan pada tahun 2015, MPSP bercadang menambahkan lagi bilangan anggota penguatkuasa seramai 70 anggota. Dengan pengurusan tempat letak kereta yang lebih efisien, MPSP mensasarkan peningkatan hasil pada tahun 2015.

Dalam menguatkuasakan undang-undang, pemakaian pakaian seragam dilihat sebagai melambangkan kuasa yang diperuntukkan ke atas jawatan tersebut yang melibatkan penguatkuasaan undang-undang, memasuki kawasan, bangunan dan rumah-rumah untuk tujuan pemeriksaan. Pakaian seragam juga dibekalkan bagi tujuan pengenalan diri pegawai kepada orang yang terlibat semasa menjalankan tugas mereka dan dikehendaki memakai pakaian seragam sepanjang waktu bertugas. MPSP menyediakan sejumlah RM0.63 juta bagi penyediaan pakaian seragam kakitangan termasuk anggota Polis Bantuan dan Direktorat Penguatkuasaan serta kakitangan lain yang layak mendapat pakaian seragam.

Peruntukan sejumlah RM0.8 juta juga disediakan bagi program pungutan dan kutipan cukai yang merangkumi kerja-kerja mencetak bil cukai taksiran, notis peringatan serta waran. Secara keseluruhannya, pada tahun 2015 MPSP akan membelanjakan sejumlah RM3.01 juta bagi menjalankan aktiviti penguatkuasaan undang-undang di Seberang Perai.

Ahli Majlis-Ahli Majlis Sekalian,

## **PENGINDAHAN & KEHIJAUAN**

MPSP bertanggungjawab dalam merancang, menyelenggara dan menjalankan projek-projek pengindahan di seluruh kawasan Seberang Perai serta menjalankan pembangunan lanskap yang berteraskan suasana kehijauan di dalam bandar serta taman-taman dan rekreasi di sekitar kawasan pentadbiran MPSP.

MPSP memperuntukan sejumlah RM3.1 juta bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pengindahan lanskap, memaju, membersih dan memperelok am, membina tempat-tempat rekreasi awam dan sukan serta pemasangan lampu hiasan. MPSP juga akan menggunakan wang sumbangan menggantikan kemudahan awam (tanah lapang) berjumlah RM2.63 juta pada tahun 2015 bagi menceriakan lagi kawasan persekitaran Seberang Perai. MPSP amat mengalu-alukan syarikat-syarikat dan badan-badan korporat dalam melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti yang akan menyumbang ke arah Seberang Perai yang lebih indah dan hijau melalui program *Corporate Social Responsibility (CSR)*. Kepada semua yang terlibat dengan program CSR sebelum ini MPSP ingin

merakamkan ucapan terima kasih di atas sumbangan yang telah diberikan untuk masyarakat di Seberang Perai.

Ahli Majlis-Ahli Majlis Sekalian,

### **PENGLIBATAN KOMUNITI**

MPSP amat menghargai penglibatan komuniti dalam setiap program yang telah dirancang. Antara program-program yang melibatkan komuniti adalah seperti program kesihatan, kebersihan dan pengindahan, dialog bajet serta Program LA21 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM355,000. Ahli Majlis-Ahli Majlis juga telah diberi peranan bagi menggerakkan projek komuniti di kawasan masing-masing dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.68 juta atau diperuntukan sejumlah RM70,000 bagi setiap Ahli Majlis. Adalah diharapkan dengan penglibatan komuniti tersebut, perkhidmatan MPSP akan mencapai tahap yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

MPSP juga amat bertuah kerana mendapat sokongan daripada *Penang Women Development Corporation (PWDC)* dalam melaksanakan program-program yang melibatkan komuniti di

Seberang Perai terutamanya dalam mengurusperdanakan isu gender. Kerjasama ini telah bermula sejak tahun 2012 dan akan diteruskan pada masa hadapan. Oleh yang demikian, MPSP komited bagi menyalurkan dana sebanyak RM200,000 setahun kepada PWDC bagi menjalankan aktiviti jangka pendek dan jangka panjang yang telah dirancang.

MPSP juga telah bekerjasama dengan PWDC dalam membuat rangka kerja bagi mengaplikasikan '*Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB). Bajet 2015 merupakan bajet yang pertama disediakan mengikut model GRPB. Model ini dilaksanakan bagi memastikan peranan dan akauntabiliti pengurus program/aktiviti dikenalpasti dengan jelas dalam kerangka keberhasilan dan diukur menggunakan KPI yang telah ditetapkan. Ini adalah untuk memastikan akauntabiliti di semua peringkat perbelanjaan ke arah tadbir urus yang baik dalam pengurusan wang awam.

Kejayaan projek di bawah GRPB telah menjadi inspirasi kepada MPSP agar dapat menginstitusikan proses ini dengan lebih

menyeluruh dalam MPSP dengan menggunakan lima (5) langkah Model GRPB Pulau Pinang iaitu :

Langkah 1 : Bancian kumpulan sasaran

Langkah 2 : Perbincangan kumpulan sasaran bagi mendapat keperluan

Langkah 3 : Mengenalpasti keutamaan dan objektif untuk meningkatkan kesaksamaan gender dan keadilan sosial

Langkah 4 : Pelaksanaan keutamaan dan objektif untuk meningkatkan kesaksamaan gender dan keadilan sosial serta analisis benefisiari sensitif gender dijalankan

Langkah 5 : Pemantauan dan penilaian

Pada masa hadapan perspektif gender diberikan pertimbangan dan penekanan dalam setiap perancangan, program, pembangunan serta polisi yang akan dilaksanakan oleh MPSP.

Ahli Majlis-Ahli Majlis Sekalian,

## **PENGUKUHAN ORGANISASI**

### **PENGISIAN PERJAWATAN**

Pada tahun 2015, adalah dianggarkan MPSP akan mempunyai seramai 4,664 kakitangan iaitu seramai 1,902 kakitangan tetap dan 2,762 kakitangan kontrak serta sambilan. Anggaran ini mengambil kira keperluan-keperluan di jabatan berdasarkan keperluan dan perubahan dasar yang telah dipersetujui oleh Majlis. Secara amnya, pengisian kekosongan akan dibuat berdasarkan keperluan yang mendesak serta mengambilkira kedudukan kewangan MPSP. Pada tahun 2015, adalah dianggarkan kos emolument bagi keseluruhan kakitangan MPSP adalah berjumlah RM142.19 juta iaitu RM80.88 juta bagi kakitangan tetap dan RM61.31 juta bagi kakitangan kontrak dan sambilan.

### **PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

Kursus dan latihan adalah amat penting bagi menambah ilmu pengetahuan, kemahiran dan kecekapan dalam menjalankan tugas serta kemajuan kerjaya kakitangan MPSP. Pekeliling perkhidmatan awam telah menetapkan had minimum bilangan hari berkursus bagi

setiap kakitangan adalah 7 hari setahun. MPSP telah menghantar beberapa pegawai menghadiri kursus, seminar dan pembentangan kertas kerja di fórum-forum peringkat nasional mahupun antarabangsa. Antara negara-negara yang telah dihadiri adalah seperti Jepun, Korea, New Zealand, Mexico serta China. Melalui jaringan antarabangsa dengan pertubuhan seperti World E-Government dan CityNet, pegawai MPSP yang menghadiri kursus mahupun membentangkan kertas kerja di luar negara telah mendapat tajaan sepenuhnya oleh pihak penganjur dan MPSP tidak mengeluarkan sebarang kos ke atas pegawai terlibat. Untuk tahun 2015, MPSP menyediakan peruntukan sebanyak RM1.47 juta merangkumi kursus, seminar, peperiksaan serta lawatan sambil belajar.

### **KEBAJIKAN PEKERJA**

MPSP juga menitikberatkan aspek kebajikan kepada pekerja dengan menyediakan pelbagai kemudahan tambahan. Bagi meringankan beban kewangan kakitangan yang menghadapi masalah kesihatan dan memerlukan rawatan berterusan, MPSP telah menyediakan peruntukan bagi perkhidmatan perubatan berjumlah RM1.5 juta. Bagi

rawatan kesihatan pekerja dan ahli keluarga, kemudahan klinik panel disediakan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.0 juta.

MPSP amat prihatin dengan kebajikan pekerja serta memahami bebanan yang ditanggung oleh keluarga pekerja yang terlibat dalam kemalangan semasa bertugas. Pada tahun 2014, MPSP menyediakan sejumlah RM100,000 bagi bayaran pampasan (*ex-Gratia*) kepada pekerja. Jumlah ini telah dinaikkan kepada RM500,000 pada tahun 2015. Ini dilakukan bagi menyelesaikan kes-kes kemalangan yang berada dalam pertimbangan MPSP serta menunjukkan komitmen majikan kepada pekerja.

### **KESELAMATAN PEKERJA**

Bagi meningkatkan tahap keselamatan serta mengurangkan risiko kecederaan pekerja semasa menjalankan tugas, MPSP telah menyediakan bajet bagi bekalan Alat Lindung Diri atau '*Personal Protective Equipment*' (PPE) kepada pekerja yang terlibat dengan pensijilan OHSAS 18001:2007 daripada NIOSH Certification Sdn Bhd. bagi skop penyelenggaraan, pembersihan dan lanskap. Pada tahun 2014 peruntukan bagi bekalan PPE adalah sebanyak

RM300,000 tetapi jumlah ini telah ditambah kepada RM670,000 pada tahun 2015.

### **STRATEGI PENJIMATAN TENAGA**

Kenaikan tarif utiliti terutamanya bekalan elektrik memberikan tekanan kenaikan kos dalam perbelanjaan mengurus MPSP. Bagi mengurangkan kenaikan kos tersebut, MPSP telah memulakan langkah-langkah penjimatan penggunaan tenaga dalam urusan pentadbiran. Bagi mengukuhkan lagi strategi tersebut, MPSP telah memulakan langkah-langkah penjimatan dan kawalan ke atas penggunaan tenaga seperti yang ditetapkan dalam pelan strategi pensijilan Sistem Pengurusan Tenaga (*Energy Management System*) 50001:2011 (EnMS) daripada SIRIM Berhad bermula pada tahun 2013. Berkat usaha yang berterusan serta komitmen yang diberikan oleh semua kakitangan, MPSP telah berjaya mendapat persijilan tersebut daripada SIRIM Berhad pada 15 Ogos 2014 dengan sasaran pengurangan penggunaan tenaga sebanyak 3% setahun pada tahun 2014 berbanding tahun sebelumnya iaitu 2.0 juta kWh pada tahun 2013. Dengan persijilan ini, MPSP merupakan Pihak

Berkuasa Tempatan pertama di negara ini yang berjaya mendapatkan persijilan di bawah EnMS.

Ahli Majlis – Ahli Majlis sekalian,

### **KOMPONEN HASIL**

Pada tahun 2015 hasil yang dijangka akan diperolehi oleh MPSP adalah berjumlah RM213.39 juta. Ianya terdiri daripada Hasil Cukai sebanyak RM149.80 juta atau 70.20 %, Hasil Bukan Cukai sebanyak RM54.59 juta atau 25.58% dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM9.0 juta atau 4.22%. Secara keseluruhannya, hasil MPSP dijangka meningkat sebanyak 3.54% pada tahun 2015.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

### **PERUNTUKAN BAJET 2015**

Berdasarkan fokus strategik dan perancangan yang telah dibentangkan tadi, saya mencadangkan peruntukan sejumlah RM234.58 juta diperuntukkan bagi bajet mengurus tahun 2015. Perbelanjaan mengurus meningkat sebanyak 5.33% pada tahun hadapan berbanding tahun 2014. Perbelanjaan mengurus merangkumi perbelanjaan emolumen kakitangan sebanyak RM80.88 juta, perkhidmatan dan bekalan RM143.14 juta, pemberian dan

kenaikan bayaran tetap RM5.25 juta dan perbelanjaan lain sebanyak RM5.31 juta.

Perbelanjaan mengurus meningkat pada tahun 2015 antara lain disebabkan kenaikan gaji tahunan kakitangan, kenaikan kos bekalan dan utiliti serta kos emolument dan bekalan pakaian seragam bagi tambahan pekerja am.

MPSP juga menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM6.40 juta pada tahun 2015 serta perbelanjaan harta modal sebanyak RM2.85 juta.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

Pada tahun 2015 saya mencadangkan peruntukan berjumlah RM243.84 juta berbanding anggaran pendapatan sebanyak RM213.39 juta. Ini bermakna pada tahun 2015 saya mencadangkan bajet defisit berjumlah RM30.45 juta. Perkhidmatan dan tanggungjawab MPSP harus diteruskan bagi memastikan warga Seberang Perai mendapat kualiti perkhidmatan yang terbaik.

Bajet defisit menunjukkan MPSP mempunyai tanggungjawab yang amat besar untuk dilaksanakan demi kesejahteraan penduduk dan

kemajuan Seberang Perai terutamanya bagi kerja-kerja pembersihan dan pelupusan sampah, penyelenggaraan jalan, perparitan, lampu jalan, lampu isyarat dan pembaikan-pembaikan kemudahan awam.

Defisit yang dicadangkan ini akan ditampung daripada Kumpulan Wang Majlis yang berjumlah RM86.04 juta pada Disember 2013 dan jumlah ini adalah mencukupi untuk membiayai defisit pada tahun 2015.

Ahli Majlis-Ahli Majlis sekalian,

Berdasarkan kepada pembentangan di atas berserta justifikasi-justifikasi yang telah dibentangkan, saya memohon mencadangkan supaya bajet Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi tahun 2015 yang telah dibentang ini, untuk ditimbang dan diluluskan di dalam Majlis ini seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 55 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Oleh yang demikian, dengan amanah dan tanggungjawab yang telah diperuntukkan, saya memohon Majlis Penuh hari ini menimbang dan meluluskan Bajet MPSP untuk tahun 2015 seperti berikut :

		RM
Pendapatan	:	213,388,684
Perbelanjaan	:	243,836,559
Defisit	:	(30,447,875)

Saya mohon mencadangkan. Saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

**DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIF** DSPN,DJN,AMN,BCN,PKT,PJK  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Seberang Perai